

KOMENTAR

COMMENTARY

KEPERLEMBAGAAN SEKSYEN 498 KANUN KESEKSAAN:

ANALISIS JURISPRUDENS WATAN

CONSTITUTIONALITY OF SECTION 498 OF THE PENAL CODE:

WATANIC JURISPRUDENCE ANALYSIS

^{i,ii} * Wan Ahmad Fauzi Bin Hashim@Wan Husain

ⁱ International Institute of Islamic Thought and Civilisation, International Islamic University Malaysia P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

ⁱⁱ Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah 26600 Pekan Pahang, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: wanfauzi@iium.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol11no2.692>

ABSTRACT

While Muslims in Malaysia are not yet overcome by shock due to Nik Elin's lawsuit, the atmosphere is re-heated by the repeal of section 498 of the Penal Code by the recent Federal Court's interpretation. Such development attracted the public to inquire more about the Federal Constitution, especially the position on Islamic law. Section 498 touches on criminal offences that punish men who entice married women with the intent to have illicit intercourse. This article aims to analyse the constitutionality of section 498 of the Penal Code viewed from Article 8(5)(a) and Article 11(5) of the Federal Constitution. The methodology of this study is doctrinal research using Watanic jurisprudence. Although this article touches on the interpretation of section 498 of the Penal Code, it is not intended to discuss the facts of the case in trial at the time this article was written. The analysis here also does not touch on whether the position of the Penal Code, being the existing law, is subject to Article 162(6). However, the repealing effect of section 498 has been duly analysed. The findings show that the essence of section 498 is based on the teachings of Islam, and a similar provision is stipulated in the Law of the Pahang, Johor, and Perak Codes. It is mandatory for preserving personal law and upholding the principles of morality in accordance with customs and religious beliefs.

Keywords: *Section 498 of the Penal Code, Lawful Discrimination, Morality, Watanic Jurisprudence, Law of the Pahang Code*

How to cite (APA 6th Style):

Wan Husain, W. A. F. (2023). Keperlembagaan seksyen 498 Kanun Keseksaan: Analisis Jurisprudens Watan: Constitutionality of section 498 of the Penal Code: Watanic Jurisprudence analysis. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2), 405–419. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol11no2.692>

ABSTRAK

Walaupun umat Islam di Malaysia masih belum reda dengan kejutan akibat tuntutan mahkamah Nik Elin, suasana kembali hangat dengan pemansuhan seksyen 498 Kanun Keseksaan oleh tafsiran Mahkamah Persekutuan baru-baru ini. Perkembangan itu menarik minat ramai orang untuk bertanya lebih lanjut tentang Perlembagaan Persekutuan, terutamanya kedudukan undang-undang Islam. Seksyen 498 menyentuh kesalahan jenayah yang menghukum lelaki yang menggoda wanita berkahwin dengan niat untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis keberlembagaan seksyen 498 Kanun Keseksaan yang dilihat daripada Perkara 8(5)(a) dan Perkara 11(5) Perlembagaan Persekutuan. Metodologi kajian ini adalah penyelidikan doktrin menggunakan jurisprudens watan. Walaupun Artikel ini menyentuh tafsiran seksyen 498 Kanun Keseksaan, ia tidak bertujuan untuk membincangkan fakta kes dalam perbicaraan pada masa Artikel ini ditulis. Analisis di sini juga tidak menyentuh sama ada kedudukan Kanun Keseksaan sebagai undang-undang sedia ada, tertakluk kepada Perkara 162(6). Walau bagaimanapun, kesan pemansuhan seksyen 498 telah dianalisis dengan sewajarnya. Dapatan kajian menunjukkan intipati seksyen 498 adalah berlandaskan ajaran agama Islam, dan peruntukan yang sama termaktub dalam Hukum Kanun Pahang, Johor dan Perak. Adalah satu yang wajib untuk memelihara undang-undang diri dan menegakkan prinsip moral mengikut adat dan kepercayaan agama.

Kata kunci: *Seksyen 498 Kanun Keseksaan, Diskriminasi Sah, Moraliti, Jurisprudens watan, Hukum Kanun Pahang*

Pengenalan

Malaysia ialah sebuah Persekutuan yang asalnya gabungan sembilan buah Negeri Melayu berdaulat yang menerima penyertaan dua buah Negeri Selat apabila kedaulatannya diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 5 Ogos 1957 (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957; Perjanjian Malaysia 1963; Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, Artikel 1; Perlembagaan Negeri Melaka, Artikel 1 & Perlembagaan Persekutuan).

Agihan kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman kepada autoriti Persekutuan daripada Negeri Melayu secara interim bermula melalui kuat kuasa Jadual Kedua Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang didahului dengan pemeteraian Perjanjian Negeri, kedua-duanya berlaku pada 21 Januari 1948 (Perjanjian Negeri 1948 yang ditandatangani oleh sembilan orang raja Melayu & Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948). Raja Negeri Sembilan ialah Yang di-Pertuan Besar dan Pembesar Memerintah.

Jadual Kesembilan yang merakam agihan kuasa legislatif yang mengandungi Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama hanya berkuat kuasa apabila Perlembagaan Persekutuan yang dilampirkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, diluluskan melalui enakmen di setiap Negeri Melayu dan Ordinan Persekutuan (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, Fasal 6). Jika sekiranya Raja Pemerintah di setiap Negeri Melayu tidak memberikan persetujuan kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan enakmen Negeri 1957, maka tidak wujud Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia pada hari ini.

Kedudukan Negeri Melayu dalam tempoh campur tangan British diulas dalam "*Plans For Constitutional Reconstruction in the Far East*" bertarikh 20 Mac 1943 (CO.825/35/6 No. 55104/1) seperti yang berikut:

So far, His Majesty has not possessed a scintilla of jurisdiction in the Malay states. This has been difficult administratively since it has not been possible to take legislative action here, e.g. to extend the Emergency Powers (Defence) Act to the States or to establish the status of Chinese born in a Malay state as British-protected persons.

Sistem politik tradisional Melayu sudah mempunyai tiga cabang kuasa iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman berasaskan bentuk keperluannya ketika itu. Bentuk tersebut antaranya dapat dilihat daripada Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Johor, Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Perak, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dan Undang-Undang Diri Bagi Kerajaan Terengganu 1911 (Yaakub Isa, 2003; Wan Husain, 2017 & 2018; Husain, 2018, & Wan Ahmad Fauzi, 2021). Struktur pemerintahannya dipengaruhi oleh adat Melayu yang mendaulatkan Islam sebagai undang-undang Negeri melalui prerogatif diraja (Wan Husain, 2018 & 2021). Undang-undang yang terpakai di Tanah Melayu sejak Kesultanan Melayu Melaka mengandungi aspek awam dan diri yang berlandaskan ajaran agama Islam dan adat Melayu. Undang-undang tersebut terdiri daripada undang-undang jenayah dan mal (Wan Husain, 2022).

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis keperlembagaan seksyen 498 Kanun Keseksaan dari aspek Perkara 8(5)(a) dan moraliti di bawah Perkara 11(5). Seksyen 498 ialah undang-undang am. Undang-undang am menurut Merriam-Webster Legal Dictionary (2023) ialah:

“a law that is unrestricted as to time, is applicable throughout the entire territory subject to the power of the legislature that enacted it, and applies to all persons in the same class.”

Walaupun artikel ini menyentuh tafsiran seksyen 498 Kanun Keseksaan (selepas ini dirujuk sebagai seksyen 498) oleh Mahkamah Persekutuan apabila kes rayuan ke Mahkamah Tinggi *Lai Heng Beng Iwn Pendakwaraya* (Appellate Jurisdiction: Civil Reference No.: 06(RJ)-3-04/2023(B)) dirujuk untuk tafsiran undang-undang Perlembagaan, ia tidak bertujuan untuk membahaskan fakta kes yang sedang dibicarakan.

Perbahasan di sini tidak menyentuh sama ada kedudukan Kanun Keseksaan itu ialah undang-undang sedia ada yang tertakluk kepada Perkara 162(6), namun begitu kesan pemansuhan seksyen 498 di sisi peruntukan tersebut turut dianalisis.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini ialah kualitatif bereka bentuk doktrinal menggunakan analisis jurisprudens watan untuk mentafsirkan keperlembagaan seksyen 498 Kanun Keseksaan dari aspek Perkara 8 dan 11 Perlembagaan Persekutuan. Isu yang dikaji turut melibatkan prinsip dalam Perkara 162(6) berkenaan kuasa mahkamah untuk membuat modifikasi terhadap undang-undang sedia.

Jurisprudens watan menganalisis isu undang-undang dan pentafsiran berdasarkan teks perlembagaan itu sendiri, statut, dan prinsip undang-undang yang diterima dalam kerangka kedaulatannya. Turut diperhatikan ialah sejarah tempatan dan adat untuk melihat kedudukan seksyen 498.

Adat itu merangkumi undang-undang, amalan, budaya, resam, takrifan istilah, dan mencerminkan kefahaman tempatan berhubung dengan falsafah dan linguistik. Falsafah dan linguistik yang terkandung dalam adat tempatan memberikan maklumat yang lebih sahih tentang suatu isu yang menyentuh sejarah perundangan.

Metodologi yang menjadi asas kepada jurisprudens watan diabsahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Gandhi A/P. Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* apabila Mahkamah Persekutuan menerima pakai kaedah pentafsiran perlembagaan oleh Mahkamah Agung Kanada seperti yang berikut:

The rules of constitutional interpretation require that constitutional documents be interpreted in a broad and purposive manner and placed in their proper linguistic, philosophic, and historical contexts ... Generally, a constitutional interpretation must be informed by the foundational principles of the Constitution, which include principles such as federalism, democracy, the protection of minorities, as well as constitutionalism, and the rule of law ... These rules and principles of interpretation have led this Court to conclude that the Constitution should be viewed as having an 'internal architecture' or 'basic constitutional structure' ... The notion of architecture expresses the principles that the individual elements of the Constitution are linked to the others and must be interpreted by reference to the structure of the Constitution as a whole ... In other words, the Constitution must be interpreted to discern the structure of Government that it seeks to implement.

Justeru rujukan dibuat dengan meneliti hukum kanun untuk melihat kedudukan isteri yang berzina dengan lelaki lain yang menjadi subjek seksyen 498 di sisi adat Melayu serta pelbagai sumber berwibawa lain yang berkaitan. Bagi maksud di atas, sejarah asal Tanah Melayu termasuklah punca kuasa dan bentuk perundangan yang pernah berkuat kuasa ditonjolkan untuk menyokong rumusan kajian ini.

Tafsiran Mahkamah Seksyen 498

Kanun Keseksaan digubal pada tahun 1935 di Negeri Melayu Bersekutu kemudiannya diluaskan pemakaiannya pada tarikh berbeza di Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Lihat senarai pindaan Kanun Keseksaan dan pemakaian undang-undang sivil di Tanah Melayu). Penggubalan suatu undang-undang bertulis termasuklah pemakaiannya di Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu perlu mendapat persetujuan Raja Pemerintah di negeri Melayu masing-masing.

Implikasi campur tangan British di Tanah Melayu digambarkan oleh Stockwell (1979, p. 75), sarjana Barat yang mengkaji secara mendalam perjanjian antara British dengan raja-raja Melayu dan sejarah perkembangannya seperti yang berikut:

Secara tradisinya raja Melayu dianggap sebagai sumber semua undang-undang, ketua Kerajaan dan agama. Baginda bertanggungjawab untuk mempertahankan adat dan struktur masyarakat Melayu. Namun begitu, kuasa Baginda mungkin dilaksanakan oleh pihak lain, dan pihak lain mungkin menjalankan tugas atau menasihati Baginda dengan polisinya tetapi keabsahan bagi semua tindakan berwibawa terletak pada kedaulatan raja-raja Melayu.

Keterangan tersebut penting dan perlu diletakkan dalam perspektif ketika membahaskan sistem politik tradisional termasuklah dari sudut penggubalan undang-undang dan kehakiman sebelum melanjutkan perbahasan tafsiran seksyen 498.

Peruntukan seksyen 498 disifatkan oleh korum lima orang panel Hakim Mahkamah Persekutuan secara sepakat tidak berperlembagaan. Mahkamah memutuskan seksyen 498 menyalahi Perkara 8(2) yang menegah diskriminasi atas alasan hanya jantina berbunyi seperti yang berikut:

Barang siapa membawa atau memikat pergi seseorang perempuan yang menjadi dan yang ia ketahui, atau ada sebab mempercayai sebagai isteri orang itu, dengan niat supaya perempuan itu boleh melakukan persetubuhan yang ditegah dengan mana-mana orang..., hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Dalam alasan keputusan Mahkamah Persekutuan yang disampaikan oleh Tengku Maimun, Ketua Hakim Negara (KHN), Mahkamah mentafsirkan seksyen 498 hanya memberi hak kepada suami lantaran mendiskriminasikan semua isteri hanya atas alasan jantina. Hakikat tersebut katanya dijelaskan lagi dalam seksyen 132 Kanun Prosedur Jenayah (CPC) yang hanya memberikan hak kepada suami untuk melaporkan kesalahan di bawah seksyen 498. Seksyen 132 berbunyi:

“Where complaint by husband 132. No Court shall take cognizance of an offence under section 498 of the Penal Code except upon a complaint made by the husband of the woman.”

Mahkamah seterusnya menghadkan pembelaan terhadap amalan diskriminasi tersebut kepada Perkara 8(2). Menurut Mahkamah, Responden tidak merujuk kepada mana-mana pembelaan sedemikian sama ada dalam penghujahan bertulis atau lisan untuk menunjukkan mana-mana peruntukan Perlembagaan yang secara jelas membenarkan diskriminasi atas alasan jantina hanya dalam bentuk yang menurut seksyen 498. Oleh itu, Mahkamah mendapati bahawa seksyen 498 tidak konsisten dengan Perkara 8(2) dan atas dasar itu seksyen 498 adalah tidak berperlembagaan. Percubaan Responden untuk membenarkan kewujudan seksyen 498 berdasarkan klasifikasi yang munasabah atau bahawa ia mempunyai hubungan yang dikatakan dengan tujuan perundangan yang sah adalah tidak selaras dengan ketetapan Perkara 8(2) maka hujah tersebut ditolak tanpa perlu lagi untuk menyatakan apa-apa pandangan sama ada seksyen 498 adalah berperlembagaan *vis-à-vis* Perkara 8(1).

Selanjutnya Mahkamah mentafsirkan prinsip "membawa kepada peruntukan Perlembagaan ini" dalam Perkara 162(6), iaitu Mahkamah boleh, di bawah Perkara 162 meminda undang-undang pra-Merdeka untuk menjadikannya selaras dengan Perlembagaan tetapi tujuan pelaksanaan itu adalah semata-mata untuk menjadikan undang-undang pra-Merdeka tersebut selaras dengan Perlembagaan.

Menurut Mahkamah, proses "pindaan" di bawah Perkara 162(7) dalam erti kata itu tidak boleh memusnahkan atau mencipta semula maksud perundangan di mana undang-undang pra-Merdeka digubal. Dilihat dengan cara ini, pindaan kehakiman seperti yang difahami daripada Perkara 162(7) tidak sama dengan pindaan perundangan. Tindakan kehakiman adalah terhad kepada hanya membawa undang-undang selaras dengan Perlembagaan berdasarkan niat asalnya. Jika itu tidak mungkin, maka Mahkamah tidak boleh melangkah lebih daripada itu dan meminda undang-undang di luar niat asalnya.

Dalam konteks seksyen 498, Mahkamah berpandangan seksyen tersebut tidak mampu dibuat pindaan kehakiman mengikut Perkara 162(7) kerana berbuat demikian memerlukan pindaan menyeluruh sehingga mengubah ciri kesalahan itu. Kedua-dua pihak sama ada menerima atau tidak menafikan bahawa tujuan tunggal seksyen itu adalah untuk melihat wanita sebagai *chattel* (barang peribadi) kepada suami mereka sehingga menarik / mengambil / menahan mereka dianggap sebagai satu kesalahan.

Mahkamah menolak pendapat Responden bahawa kesalahan itu harus dikekalkan untuk melindungi gangguan terhadap perkahwinan dan pada asalnya digubal untuk tujuan yang luas. Jika tujuan seksyen 498 adalah untuk melindungi perkahwinan, maka undang-undang itu akan digubal dengan cara itu untuk mencerminkan niat perundangan sedemikian. Sebaliknya, undang-undang itu digubal untuk melindungi hak suami dengan membenarkan mereka mendapatkan pendakwaan terhadap sesiapa sahaja yang secara berkesan mencuri isteri mereka daripada mereka.

Mahkamah seterusnya menegaskan sifat diskriminasi yang ada dalam peruntukan seksyen 498. Undang-undang itu hanya bertujuan untuk terpakai kepada godaan terhadap wanita hanya juga dijelaskan oleh seksyen 132 CPC yang disebutkan sebelumnya yang menyatakan bahawa tidak ada Mahkamah yang dapat mengambil pengetahuan kesalahan seksyen 498 melainkan aduan itu dibuat oleh suami wanita yang sudah berkahwin. Meminda seksyen 498 untuk terpakai kepada kedua-dua pasangan juga tidak bermakna tanpa meminda seksyen 132 CPC dan dalam kes ini, tiada siapa yang menangani kesahan seksyen 132 walaupun ia juga merupakan undang-undang pra-Merdeka yang boleh diubah suai di bawah Perkara 162. Walau apa pun, peruntukan seksyen 498 begitu rumit digubal sehingga memindanya tanpa mengubah niat perundangan asasnya adalah mustahil.

Selanjutnya Mahkamah menyifatkan seksyen 498 adalah peruntukan kuno dan anakronistik yang berasal dari zaman Victoria yang malang apabila wanita dianggap sebagai harta peribadi lelaki atau bahkan lanjutan lelaki seperti bagaimana hamba diperlakukan untuk masa yang lama sehingga dimansuhkan pada abad yang lalu. Ia mengambil masa bertahun-tahun untuk menerima bahawa perhambaan lelaki dan diskriminasi terhadap wanita adalah salah. Oleh itu, untuk mencadangkan bahawa seorang lelaki atau seorang wanita boleh dianggap sebagai harta antara satu sama lain adalah langkah regresif dan kembali ke masa ke era gelap. Menurut Mahkamah lagi, dalam era moden, lelaki dan wanita kedua-duanya mampu berdikari dan membuat keputusan mereka sendiri. Mereka tidak boleh dianggap sebagai mangsa godaan.

Hak Kesamarataan dan Perkara 8(5)(a)

Hak kesamarataan semua orang di sisi Perlembagaan tidaklah mutlak dan hendaklah dirujuk bukan setakat syarat yang termaktub dalam Perkara 8, bahkan tertakluk kepada peruntukan lain dalam Perlembagaan. Ini adalah prinsip di sebalik keumuman Perkara 8(1) disebabkan ayat yang mendahului Perkara 8(2) ialah, “Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan”, bukannya frasa yang berbunyi “Walaupun apa pun apa-apa jua”. Itu bermaksud terdapat pengecualian terhadap hak kesamarataan.

Perkara 8(1) berbunyi “*Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.*” Jenis diskriminasi yang terlarang dinyatakan bersekali dengan pengecualian yang umum dalam Perkara 8(2) seperti yang berikut:

Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.

Perkara 8(2) bermaksud hanya diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina tidak dibenarkan. Namun begitu terdapat pengecualian umum yang menyentuh sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan. Itu bermaksud pengecualian kepada Perkara 8(1) tidak semestinya diletakkan di bawah Perkara 8. Perkara 11, 32, 38, 152, 153 dan 181 adalah contoh peruntukan Perlembagaan yang membenarkan diskriminasi agama, jantina dan keturunan.

Dalam Perkara 8(5) turut dibutirkan diskriminasi yang dibenarkan oleh Perlembagaan. Pengecualian yang berkaitan dengan undang-undang diri termaktub dalam perenggan (a) yang menyatakan “*Perkara ini tidak menidaksahkan atau melarang apa-apa peruntukan yang mengawal selia undang-undang diri.*”

Undang-undang diri ialah undang-undang keluarga atau undang-undang perkahwinan, merujuk kepada set peraturan dan undang-undang yang mengawal hubungan peribadi dan perkara yang berkaitan dengan keluarga. Undang-undang peribadi menangani isu seperti perkahwinan, perceraian, hak penjagaan anak, pengambilan anak angkat, harta pusaka, dan hak harta benda. Perhubungan suami isteri termasuk dalam tafsiran undang-undang diri ditadbir oleh dua set, iaitu:

1. Bagi orang Islam ialah enakmen keluarga yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri, melainkan untuk Wilayah Persekutuan digubal oleh Parlimen.
2. Bagi bukan orang Islam ialah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Jika diteliti dalam tafsiran seksyen 498 oleh Mahkamah, tiada perbincangan dibuat berlandaskan Perkara 8(5)(a). Seksyen 498 merupakan peruntukan dalam Kanun Keseksaan yang jelas mengawal selia hubungan antara suami dan isteri. Kesalahan tersebut bukanlah semata-mata kerana jantina tetapi seorang wanita yang berstatus sebagai seorang isteri yang diikat melalui kontrak perkahwinan. Perkataan suami dan isteri disebut secara nyata tidak hanya jantina lelaki dengan perempuan.

Dalam undang-undang keluarga orang Islam dan Akta 164, perbuatan zina dipandang sebagai satu kesalahan. Contohnya, seksyen 23(1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] di bawah Bahagian IV iaitu Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan memperuntukkan seperti yang berikut:

Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Kesalahan yang sama dikenakan terhadap seorang perempuan yang berzina dengan bukan suaminya mengikut seksyen 23(2) Akta 559. Turut menjadi suatu kesalahan mengikut seksyen 24 Akta 559 sekiranya mana-mana orang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan zina. Seksyen 23(2) Akta 559 berbunyi:

Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Manakala seksyen 24 Akta 559 berbunyi:

Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Perzinaan jika sekiranya tidak dapat dibuktikan dengan saksi, keterangan suami secara bersumpah mengikut li'an boleh menjadi sebab perkahwinan dibubarkan. Li'an menurut istilah hukum syarak ialah sumpah seorang suami apabila ia menuduh isterinya melakukan zina. Sumpah itu diucapkan sebanyak empat kali, bahawa tuduhan itu benar dan pada sumpah yang kelima ia meminta kutukan daripada Allah SWT sekiranya ia berdusta. Li'an dari segi bahasa ialah menghalau dan menjauhkan (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, 2023). Peruntukan tersebut antara lain terdapat dalam seksyen 51(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 seperti yang berikut:

Jika pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan telah mengangkat sumpah dengan cara li'an mengikut Hukum Syarak di hadapan Hakim Syarie, apabila penghakiman, maka Hakim Syarie itu hendaklah memerintahkan mereka difarakan dan dipisahkan dan hidup berasingan selama-lamanya.

Perzinaan turut menjadi suatu kesalahan yang boleh menggugurkan pembayaran nafkah isteri mengikut undang-undang diri bukan orang Islam. Di bawah Akta 164, seksyen 82(1) memperuntukkan seperti yang berikut:

Hak bagi seseorang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suami isterinya yang dahulu di bawah Sesuatu perintah mahkamah hendaklah terhenti apabila orang itu berkahwin atau hidup dalam perzinaan dengan orang lain.

Justeru, berlandaskan keterangan tersebut seksyen 498 adalah beroperasi untuk mengawal selia undang-undang diri bagi orang Islam dan bukan orang Islam kerana kesucian ikatan sebuah perkahwinan. Perzinaan dalam ikatan perkahwinan adalah satu kesalahan undang-undang diri bagi bukan orang Islam seperti ditadbir oleh Akta 164. Manakala perzinaan itu menjadi satu kesalahan tanpa mengira dalam ikatan perkahwinan mahupun tidak bagi orang Islam.

Dalam pada itu, terdapat diskriminasi hanya sebab jantina dalam Akta 164 apabila menyentuh hak untuk membayar nafkah isteri. Seksyen 77(1) Akta 164 menetapkan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau isterinya terdahulu dalam proses perceraian, selepas dikri perceraian atau perpisahan kehakiman.

Berbeza dengan seorang isteri yang hanya boleh diperintahkan bayar nafkah suami atau suaminya yang dahulu atas sebab lelaki itu tidak keupayaan mencari kehidupan oleh sebab kebencanaan otak atau jasmani atau tidak sihat serta tertakluk juga kepada kemampuan perempuan itu untuk memerintahkan sedemikian (Akta 164, Seksyen 77(2)).

Begitu juga halnya dengan nafkah anak, ia menjadi kewajipan seorang lelaki sebagai ayah (Akta 164, Seksyen 93(1)). Mahkamah hanya boleh memerintahkan seorang wanita membayar nafkah anaknya secara bersyarat iaitu dengan kemampuan yang munasabah (Akta 164, Seksyen 93(2)).

Seksyen 498 dan Moraliti

Kembali ke perbahasan Perkara 8(2), diskriminasi ditegah yang berhubung kait dengan seksyen 498 ialah terhadap warganegara hanya atas alasan agama dan jantina. Ras, keturunan, tempat lahir dan sebab lain seperti pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubung dengan penubuhan atau perjalanan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan adalah tidak berkaitan sama sekali di sini.

Diskriminasi hanya terhadap jantina kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini telah dibahaskan di bawah Perkara 8(5)(a). Seksyen 498 juga melibatkan perlindungan yang diberikan oleh Perlembagaan kepada penganut agama tanpa mengira orang Islam dan bukan orang Islam. Jaminan hak beragama tersebut termaktub dalam Perkara 11. Selain sekatan yang dikenakan terhadap bukan orang Islam untuk mengamalkan agama mereka secara aman (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11(4)), terdapat tiga prinsip yang membataskan amalan beragama bagi orang Islam dan bukan orang Islam seperti termaktub dalam Perkara 11(5). Perkara 11(5) memperuntukkan seperti yang berikut:

Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubung dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau moraliti.

Tiga sekatan yang boleh dikenakan melalui undang-undang am iaitu ketenteraman awam, kesihatan awam atau moraliti turut disebut dalam Perkara 9 dan 10 Perlembagaan. Perkara 9(1) menyebut sekatan atas sebab ketenteraman awam dan kesihatan awam. Perkara 10(2)(b) menyatakan sekatan atas sebab kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, manakala Perkara 10(2)(c) pula atas sebab kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau moraliti. Syarat moraliti yang diterjemahkan dengan berkelakuan baik turut disebut dalam bab kewarganegaraan, contohnya Perkara 15(1). Perkara 15(1) berbunyi:

Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh mana-mana perempuan bersuami yang suaminya seorang warganegara, maka perempuan itu berhak didaftarkan sebagai warganegara jika perkahwinan itu masih wujud dan suaminya itu seorang warganegara pada permulaan bulan Oktober 1962, atau jika dia memuaskan hati Kerajaan Persekutuan—

(a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan itu dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap; dan

(b) bahawa dia berkelakuan baik.

Dari aspek moraliti, seksyen 498 begitu jelas mengawal selia perlakuan seorang isteri agar memelihara moraliti sesuai dengan adab budaya ketimuran yang diamalkan oleh bangsa Malaysia. Seorang isteri sudah pasti dilihat sebagai tidak bermoral sekiranya menjalani hubungan sulit dengan lelaki lain sehingga sanggup mengadakan hubungan seks terlarang. Moraliti seorang isteri yang berzina akan disoroti selepas ini dari sudut agama dan adat tempatan.

Rukun Negara yang kelima dengan jelas menyatakan kesopanan dan kesusilaan ialah salah satu daripada prinsip gaya hidup seorang warganegara Malaysia. Isu hak untuk melaporkan perbuatan yang tidak bermoral terbatas kepada perlakuan curang seorang isteri sahaja dan hanya dibenarkan buat suaminya merupakan *a matter of policy* yang terletak kepada budi bicara badan legislatif. Polisi tersebut pastinya sudah menimbang aspek ketenteraman awam antara lain untuk memberikan peluang kepada seorang suami bagi mengawal kerukunan rumahtangga sebagai ketua keluarga serta mengelak suasana yang lebih keruh.

Perkembangan Prinsip Undang-Undang Jenayah

Kedudukan Kanun Keseksaan dan syarat penerimaannya dalam sistem perundangan tempatan tidak mungkin dapat difahami dengan betul jika sekiranya tidak diperiksa dari sudut sejarah perundangan. Untuk tujuan ini maka sistem pentadbiran keadilan di Terengganu, sebuah kesultanan dalam Negeri Melayu Tidak Bersekutu dijadikan kajian kes.

Terengganu pernah berada di bawah Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga. Undang-undangnya ketika itu terkandung dalam Hukum Kanun Johor. Dalam Mukadimah Hukum Kanun Pahang (versi Winstedt & Kempe) yang terpakai di Johor, Pahang dan Perak ada memerihalkan Faqih dan Menteri yang bertanggungjawab dalam pentadbiran keadilan. Selepas Terengganu berkesultanan sendiri pada tahun 1718, undang-undang Negeri berhubungan jenayah dan mal (sivil) tetap berlandaskan hukum Syarak dan adat Melayu (Wan Ahmad Fauzi, 2021a).

Sultan Umar (1839-1875) telah menubuhkan Mahkamah Balai yang diadili oleh Baginda dengan nasihat Mufti. Seawal tahun 1885, Sultan Zainal Abidin III dengan persetujuan Jemaah Mesyuarat Negeri telah menggubal Undang-Undang Jabatan Bagi Segala Pangkat Pegawai Mahkamah Terengganu. Selepas penempatan Ejen British di Terengganu susulan Perjanjian Terengganu 1910,

Mahkamah Bersama untuk mengendalikannya kes melibatkan rakyat British ditubuhkan yang diadili oleh seorang Hakim Melayu dengan Wakil British sebagai *assessor* di Mahkamah Balai (Mohamed Anwar *et. al.*, 2009).

Undang-Undang Tertib Mahkamah, Bil. 4, Tahun 1340H (1921M) menetapkan bidang kuasa buat Mahkamah Apil, Mahkamah Besar, Mahkamah Majistret Pangkat Yang Pertama, Mahkamah Majistret Pangkat Yang Kedua, Mahkamah Qadi dan Mahkamah Penghulu. Mahkamah Besar diperuntukkan kuasa membicarakan dan memutuskan semua guaman mal dan jenayah mengikut undang-undang dan adat, kecuali hukuman qisas atau penjara melebihi tujuh tahun perlu kelulusan Sultan dalam Mesyuarat. Mahkamah Qadi diberi kuasa untuk membicarakan dan memutuskan perkara yang berkenaan agama Islam dan perkara yang berkenaan nikah cerai dan sebagainya dalam pergaduhan suami isteri (Musa, 2014).

Undang-undang bertulis meskipun diperkenalkan mengikut nasihat pegawai British perlu digubal Majlis Negeri dan diperkenankan oleh Sultan. Antara prinsip pengenalan undang-undang British di Tanah Melayu ialah seperti dinyatakan oleh Hakim Maxwell dalam kes Chulas Iwn Kolsom [1867]:

“Soal sejauh mana common law England dapat dikuat kuasakan terhadap bangsa yang mempunyai agama dan undang-undang kelaziman yang berlainan telah beberapa kali timbul di Mahkamah ini dan jarang sekali terlepas daripada kesulitan. Telah berkali-kali diputuskan sebagai doktrin dalam undang-undang kita bahawa peraturan tersebut tidak terpakai kepada bangsa itu apabila pemakaian peraturan itu akan membawa kezaliman dan penindasan. Oleh yang demikian, undang-undang bigamy tidak dikuatkuasakan terhadap orang Islam. Jika undang-undang jenayah boleh dilenturkan demi keperluan keadilan semula jadi, maka undang-undang sivil haruslah boleh dilenturkan juga, dan dalam keadaan ketika undang-undang kita sama sekali tidak sesuai bagi bangsa asing, maka undang-undang mereka sendiri mestilah digunakan atas prinsip dan sekatan yang sama seperti undang-undang asing...”

Prinsip pengenalan *common law* dan kaedah ekuiti turut digubal dalam Enakmen Undang-Undang Sivil 1937 yang mensyaratkan amalan *common law* dan kaedah ekuiti yang akan berkuat kuasa di Negeri Melayu Bersekutu itu hanya setakat yang diizinkan oleh keadaan tempatan Negeri Melayu Bersekutu dan penduduknya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang keadaan tempatan menjadikannya perlu. Enakmen tersebut hanya diluaskan di Negeri Melayu Tidak Bersekutu melalui Ordinan Undang-Undang Sivil (Perluasan), 1951.

Daripada kuasa dan bidang kuasa Negeri maka bagi maksud pembentukan Persekutuan yang bersifat interim, Jadual Kedua diwujudkan untuk menjelaskan takat kuasa legislatif dan eksekutif Persekutuan seperti termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Dengan kuat kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 itu juga maka tertubuhlah mahkamah di bawah Bahagian VII. Kuasa yang diberikan kepada mahkamah seperti dinyatakan *“There shall be in and for the Federation a Court of unlimited civil and criminal jurisdiction to be called the Supreme Court of the Federation”* pada hakikatnya bersumberkan kuasa kedaulatan raja-raja Melayu (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Mukaddimah & Fasal 77(1)).

Mahkamah yang ditubuhkan melalui kuat kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 diteruskan melalui kedaulatan raja-raja Melayu mengikut Perkara 172 berbunyi seperti yang berikut:

Mahkamah Besar yang wujud sebelum hari Merdeka, hendaklah menjadi Mahkamah Besar bagi maksud Perlembagaan ini; tanpa menjejaskan keluasan Perkara 162, mana-mana mahkamah yang lain yang ketika itu menjalankan bidang kuasa dan fungsi hendaklah, sehingga undang-undang Persekutuan memperuntukkan selainnya, terus menjalankannya.

Jadual Kesembilan dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama. Perlembagaan Persekutuan bolehlah dikatakan ciptaan Negeri yang terbit daripada kedaulatan raja-raja Melayu. Selain kuasa dan bidang kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman yang diberikan oleh setiap Negeri kepada Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan, baki kuasa perundangan tetap kekal pada Negeri masing-masing (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957; Perlembagaan Persekutuan, Perkara 181(1) & 77).

Kedudukan kuasa kedaulatan raja-raja Melayu serta fungsi kuasa yang dilaksanakan oleh wakil Kerajaan dan penasihat British di Tanah Melayu sepanjang tempoh campur tangan mereka dijelaskan oleh Setiausaha Tanah Jajahan British semasa pembentangan rang undang-undang Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Julai 1957 seperti yang berikut:

1. Tanah Melayu tidak dijajah, istilah “Merdeka” adalah merujuk kepada penubuhan sebuah Persekutuan yang Merdeka berlandaskan objektif rang undang-undang tersebut *“This bill seeks to enable provision to be made for the establishment of the Federation of Malaya as an independent sovereign country within the Commonwealth.”*
2. Kuasa yang ada pada Kerajaan British adalah bersumberkan daripada kedaulatan raja-raja Melayu berlandaskan keterangan *“The present authority of Her Majesty’s Government in the United Kingdom in Malaya derives from three sources. It derives, first, from the agreements between Her Majesty the Queen and the Rulers of each of the nine Malay states, by virtue of which these states are Her Majesty’s protection. Secondly, it derives from the sovereignty of Her Majesty over the Settlement of Penang and Malacca, and thirdly, from the Constitution of the present Federation contained in the agreement made in 1948 between His late Majesty and all the Rulers jointly.”*

Ringkasnya, kedaulatan raja-raja Melayu tidak terjejas sepanjang campur tangan British (Simon, 1995 & Braddel, 1931). Justeru, undang-undang yang digubal sepanjang tempoh tersebut termasuklah penubuhan badan kehakiman adalah bertujuan untuk melaksanakan fungsi kuasa raja-raja Melayu, bukanlah lahir daripada rahim Westminster.

Kesalahan Berzina dengan Isteri Orang

Kesalahan berzina dengan isteri orang merupakan jenayah syariah yang disebut dalam al-Qur’an (Surah Al-Nur, 24:12). Jika sekiranya mereka sudah berkahwin maka hendaklah direjam sehingga mati, melainkan mereka bertaubat sebelum didakwa maka menurut salah satu pendapat juris digugurkan pertuduhan tersebut.

Dalam Bab VII Hukum Kanun Pahang (Yaakub Isa, 2003) dinyatakan *“Peri pa da menyatakan hukum segala orang berzina dengan isteri orang atau dengan ke’aifannya orang, jikalau didapatnya oleh yang empunya isteri atau dengan kata seorang saksi yang benar, jikalau hamba orang sekalipun, ia dibunuh”*.

Kesalahan berzina dengan isteri orang turut termaktub dalam Kanun Keseksaan yang digubal pada tahun 1935 dengan mengambil kira keadaan tempatan di Tanah Melayu. Seksyen 498 berbunyi *“Barang siapa membawa atau memikat pergi seseorang perempuan yang menjadi dan yang ia ketahui, atau ada sebab mempercayai sebagai isteri orang itu, dengan niat supaya perempuan itu boleh melakukan persetubuhan yang ditegah dengan mana-mana orang..., hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”*

Peruntukan seksyen 498 tidak boleh disifatkan sebagai peruntukan kuno dan anakronistik yang berasal dari zaman Victoria apabila wanita dianggap sebagai harta peribadi lelaki atau lelaki diperlakukan seperti hamba pada abad yang lalu yang menafikan kebebasan mereka untuk membuat keputusan sendiri. Sebaliknya berdasarkan ayat al-Qur'an dan peruntukan dalam Hukum Kanun Pahang tersebut, seksyen 498 menjenayahkan perbuatan yang ditegah oleh Allah SWT dan adat Melayu yang menjadi sumber perundangan tempatan sehingga kini (Perlembagaan Persekutuan, Perkara 160(2)).

Intipati seksyen 498 adalah berdasarkan ajaran agama, bukan ciptaan manusia. Menyifatkan kawalan suami terhadap isterinya untuk berzina bukanlah menjadikan wanita itu barang milikan seperti yang ulas oleh Mahkamah, sebaliknya lahir daripada kewajipan suami untuk menjunjung perintah Allah SWT yang berbunyi:

Terjemahan: Wahai orang yang beriman, jagalah diri kamu dan ahli keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu.

(Surah al-Tahrim, 66:6)

Menghalalkan seorang isteri yang berzina bukan sahaja mengembalikan gaya hidup zaman jahiliah, malah menafikan hak isteri lelaki yang berzina dengan isteri orang untuk hidup dalam ikatan perkahwinan yang suci. Kesan pemansuhan seksyen 498 tidak membawa kepada apa-apa ubahsuaian untuk menyelaraskan dengan peruntukan Perlembagaan, sebaliknya percanggahan serius dengan Perkara 8(5)(a) yang menyentuh pengawalan selia undang-undang diri dan hak kebebasan beragama yang dikawal oleh prinsip ketenteraman awam, kesihatan awam dan moraliti mengikut Perkara 11(5).

Implikasi Pemansuhan Seksyen 498

Seksyen 498 Kanun Keseksaan perlu dilihat bukan setakat peruntukan bagi mengawal selia undang-undang diri bahkan undang-undang am yang mengawal moraliti serta secara tidak langsung ketenteraman awam. Ini adalah kerana peruntukan tersebut menyentuh perlindungan yang diberikan kepada undang-undang diri iaitu hidup berkeluarga antara suami dan isteri yang turut menjaga masalah anak mereka.

Perkara 8(5)(a) membenarkan diskriminasi jantina terhadap apa-apa peruntukan yang mengawal selia undang-undang diri manakala kebebasan beragama yang diberikan kepada warganegara tertakluk kepada undang-undang am yang mengawal moraliti seperti mana termaktub dalam Perkara 11(5).

Pemansuhan seksyen 498 membuka lebih banyak percanggahan dengan amalan sedia ada dan prinsip perlembagaan. Pemansuhan tersebut bukan sahaja tidak mencapai maksud yang disyaratkan oleh Perkara 162(6) malah bercanggah dengan sumpah Yang di-Pertuan Agong untuk setiap masa memelihara agama Islam. Sebagai pelaksana fungsi kuasa kehakiman Yang di-Pertuan Agong, Mahkamah perlu menginsafi sumpah jawatan mereka di bawah Jadual Keenam untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan.

Sungguhpun Kanun Keseksaan tergolong dalam undang-undang sedia ada, namun ia telah mengalami banyak pindaan dari masa ke semasa selepas hari Merdeka. Kuasa modifikasi Mahkamah mengikut Perkara 162(6) dan (7) perlu diberi pertimbangan semula berlandaskan pemerhatiannya sendiri seperti yang berikut:

Hence, we take the view that until and unless it can be shown that a pre-Merdeka or "existing" law has either expressly or impliedly (in one form or another) been modified either by federal or State law as expressly suggested by Article 162(1), then the assumption must remain that at the time the Court or tribunal is applying

the said impugned law, it has not yet been modified by legislation passed either by Parliament or the State Legislatures, as the case may be.

Ini kerana setakat pentafsiran seksyen 498, hanya seksyen 132 CPC dibandingkan tanpa memeriksa peruntukan lain yang menyentuh intipati yang sama. Artikel ini telah mengemukakan peruntukan dalam Akta 164 dan undang-undang keluarga orang Islam yang digubal selepas hari Merdeka dan peruntukan tersebut meletakkan perlakuan isteri yang berzina dengan lelaki lain adalah satu kesalahan lantaran intipati seksyen 498 telah diterima oleh undang-undang Persekutuan dan Negeri. Faktor tersebut perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah.

Rumusan dan Kesimpulan

Malaysia sebagai sebuah negara yang menjunjung Islam sebagai doktrin Persekutuan dan Negeri dilindungi oleh prinsip kedaulatan dan keluhuran perlembagaan. Mahkamah tidak bebas untuk mengimport amalan dan pemikiran luar yang bercanggah dengan prinsip kedaulatan negara yang sekian lama mengiktiraf Islam sebagai undang-undang tempatan. Sumber perundangan di Malaysia ditentukan oleh Perlembagaan dan ditadbir oleh Akta Undang-undang Sivil 1956 (Semakan 1972).

Penggubalan suatu undang-undang yang turut bermatlamatkan demi ketenteraman awam, kesihatan awam dan moraliti tidak boleh dipinggirkan begitu sahaja semata-mata untuk menerapkan *gender equality* yang akhirnya mencabut perlindungan undang-undang kepada wanita yang lain. Pembatalan seksyen 498 akan mengundang musibah kepada kerukunan hidup dan kesucian ikatan perkahwinan yang tidak boleh dibayangi oleh teori kesamarataan yang sudah terbukti gagal di Barat. Kemuliaan seorang wanita apatah lagi isteri hendaklah dilihat dari sudut agama dan adat, bukannya mengikut neraca dikotomi. Kebebasan asasi yang melanggar ketenteraman awam, kesihatan awam dan moraliti bukanlah satu hak tetapi keadaan anarki yang perlu dibendung oleh mahkamah.

Tiada siapa pun patut memberikan pertimbangan tindakan seorang lelaki yang bebas menggoda atau memikat isteri orang dan perbuatan seorang isteri yang mengkhianati kepercayaan suaminya sehingga melakukan perbuatan terkutuk sebagai tanda kedudukan mulia dan hak yang luhur. Sebaliknya perbuatan tersebutlah adalah amalan jahiliah yang disingkirkan oleh wahyu Tuhan dan kesedaran masyarakat bertamadun. Pendekatan berperlembagaan jika sekiranya kesamarataan ingin dijayakan ialah memberikan hak serupa kepada isteri untuk melaporkan perzinaan suaminya dengan perempuan yang lain. Jika tidak, Mahkamah boleh sahaja mengekalkan peruntukan seksyen 498 sehinggalah polisinya disemak.

Akhirnya, fahaman asing walaupun begitu popular sekalipun jika sekiranya bercanggah dengan prinsip kedaulatan, keluhuran perlembagaan dan polisi Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Semakan 1972) adalah tidak mempunyai legitimasi di sisi undang-undang tempatan.

Konflik Kepentingan

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Penghargaan dan Pembiayaan

Penulis tidak menerima apa-apa pembiayaan bagi penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) (Akta 559) 1997.*
- Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Akta 164) 1976.*
- Akta Undang-Undang Sivil (Akta 67) 1956 (Semakan 1972).*
- Braddell, R. (1931). *The Legal Status of the Malay States*. The Malaya Publishing House Limited.
- Chulas lwn Kolsom binte Seydo Malim (1867) Leic. 462.*
- Enakmen (Pindaan) Undang-undang Tubuh Selangor 1974 (En. No. 7/1974).*
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.*
- Federal Constitution of Malaya 1957*. Federal Constitution (published by the Commissioner of Law Revision, Malaysia 2020).
- Federation Agreement of Malaya 1948* (Gazetted Notification No. 6, February 5, 1948, No. 1, Vol. 1). Federation Agreement of Malaya 1957.
- Federation of Malaya Independence Act, 1957* (British Legislation, Chapter 60, 5 & 6 ELIZ 2).
- Federation of Malaya Order in Council 1948* (Gazetted Notification No. 5, February 5, 1948, No. 1, Vol. 1)
- Husain, W.A.F.W., Ngah, A.C. & Mohamed Anwar, O.D. (2018). Konsep kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 22, 61-73.
- Indira Gandhi A/P. Mutho v. Director of Perak Islamic Religious Department & Ors and other appeals* (2015) 7 MLJ 153.
- J de Allen, AJ Stockwell & LR Wright (eds). (1981). *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia*. 2.
- Kanun Keseksaan (Akta 574).*
- Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).*
- Lai Heng Beng lwn Pendakwaraya* (Appellate Jurisdiction: Civil Reference No.: 06(RJ)-3-04/2023(B).
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. (2023). *Li'an*. Laman Web Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. <http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/component/content/article/21-joomla/components/208-li-an?Itemid=951>
- Manuskrip Itqan al-Muluk bi al-Ta'dil al-Suluk, Arkib Negara Malaysia.
- Memorandum of Proposal by Their Royal Highnesses the Malay Rulers Malay (12 September 1956).
- Mohamed Anwar, O.D. & Nik Anuar, N.M. (2009). *Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*. (Coffee Table Edition). Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Merriam-Webster Legal Dictionary. (2023). *General Law*. Merriam Webster. <https://www.merriam-webster.com/legal/general%20law>
- Musa, O. (eds). (2014). *Pentadbiran hal ehwal Islam negeri Terengganu: Sejarah dan perkembangannya hingga kini*. Kuala Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.
- Perlembagaan Persekutuan (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia 2010).
- Plans For Constitutional Reconstruction in the Far East (CO.825/35/6 No. 55104/1).
- Report of The Federation of Malaya Constitutional Committee 1957. Her Majesty's Stationary Office.
- Simon C, S. (1995). *British relations with the Malay rulers from decentralisation to Malayan independence 1930-1957*. Oxford University Press.
- Stockwell, A.J., (1979). *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experience 1942-1948*. Monograph No. 8, Kuala Lumpur: Malayan Branch of The Royal Asiatic Society.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2021). Kedaulatan watan teras jati diri bangsa dari perspektif Perlembagaan Terengganu: Indigenous sovereignty as the national core-identity from the Terengganu Constitution perspective. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(1), 1-18.
- Wan Husain W.A.F., (2017). Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi. 29(2) KANUN 41-73.
- Wan Husain, W. A. F. (2018). *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, governan & prinsip perlembagaan persekutuan*. Abad Sinergi Sdn. Bhd.

- Wan Husain, W. A. F. (2021). Watanic jurisprudence: Articulating the legitimate elements of the basic structure of the federal constitution. *IIUM Law Journal*, 29(1), 1-28).
- Wan Husain, W. A. F. (2022). *Kedaulatan Malaysia governan utama negara*. Abad Sinergi Sdn. Bhd. dengan kerjasama Penerbit UM).
- Yaakub Isa. (2003). *Hukum Kanun Pahang*. Kuala Lumpur: MacroCity Resources.